



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
DEPARTMENT OF VETERINARY

TEL: 03-8870200 Faks: 03-88886021

BORANG PERMOHONAN

PROGRAM PENINGKATAN RUMINAN

BAHAGIAN A - MAKLUMAT PEMOHON

1. Nama Pemohon
2. No. Kad Pengenalan
3. No. Telefon Bimbit
4. Alamat Email
5. Nama Syarikat
6. Alamat Syarikat
7. No. Pendaftaran Syarikat
8. Pengangan Ekuiti Syarikat
- (jika berkaitan)
9. Alamat Ladang
10. Alamat Surat-menyurat
11. No. ID Premis
12. No. GPS Ladang

BAHAGIAN B - MAKLUMAT BIDANG USAHA

1. Tahun Memulakan Aktiviti
- Penternakan
2. Status tanah ; Pemilikan Syarikat/
- sewa/ pajakan/ Lain-lain
- (nyatakan)
3. Keluasan Tanah Keseluruhan
4. Keluasan Tanah Untuk Aktiviti
- Penternakan
5. Bilangan Populasi Lembu
- Pedaging (semasa)

Induk (ekor)	
Pejantan (ekor)	
Anak jantan muda atau anak betina muda (berumur > 6 bulan)(ekor)	
JUMLAH POPULASI (ekor)	

BAHAGIAN C - MAKLUMAT PERMOHONAN

Bil.	Jenis Permohonan	Kuantiti
1	Induk Lembu Pedaging	
2	Pejantan Lembu Pedaging	
3	TMR	
4	Chopper	

- Syarikat boleh memohon bagi tawaran:
 - Ternakan lembu pedaging baka kacukan Brahman (min. 200 ekor; max. 800 ekor); DAN/ATAU
 - 1 unit TMR baru; DAN/ATAU
 - Chopper baru
- Kos perolehan ternakan dan peralatan adalah tertakluk kepada nilai perolehan semasa Kerajaan.
- Melalui program ini, Kerajaan akan membuat bayaran balik (*reimbursement*):
 - sebanyak 50% daripada nilai perolehan mengikut harga siling yang ditetapkan dengan kaedah *reimbursement* 50:50 (50% nilai perolehan akan ditanggung oleh syarikat, manakala bakinya akan dibayar oleh Kerajaan bagi perolehan min 100 ekor untuk syarikat (*first tier*)).
 - sebanyak 70% daripada nilai perolehan mengikut harga siling yang ditetapkan dengan kaedah *reimbursement* 30:70 (30% nilai perolehan akan ditanggung oleh peserta (*second tier*)), manakala bakinya akan dibayar oleh Kerajaan bagi perolehan min 100 ekor untuk 5 peserta (*second tier*) yang dibuat perolehan oleh syarikat (*first tier*)).

BAHAGIAN D - SUMBER KEWANGAN

Tandakan (✓)

Modal Sendiri	
Pinjaman Bank	
Lain-lain Nyatakan:	

BAHAGIAN E - PENGAKUAN PEMOHON

SAYA DENGAN INI MENGESAHKAN SEGALA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI ATAS ADALAH BENAR

Tanda tangan Pemohon

Nama

No. Kad Pengenalan

Tarikh

SENARAI DOKUMEN PERLU DILAMPIRKAN BERSAMA-SAMA BORANG PERMOHONAN

Bil.	Senarai Dokumen	Tandakan (√)		Catatan Pegawai
		Ada	Tiada	
1.	Salinan kad pengenalan Pemohon			
2.	Salinan pendaftaran syarikat carian terkini			
3.	Salinan terkini penyata bank (3 bulan)			
4.	Salinan geran tanah, dokumen sewaan atau pajakan atau kebenaran menternak secara dokumentasi			
5.	Salinan anugerah atau sijil kursus berkaitan (jika berkaitan)			
6.	Maklumat/ laporan profil syarikat			
7.	Surat pengesahan status program kesihatan ladang oleh DVS Negeri			

SYARAT PERMOHONAN PROGRAM PENINGKATAN RUMINAN

Syarat-syarat bagi permohonan Program Peningkatan Ruminan adalah seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia.
2. **Mempunyai pengalaman dalam bidang penternakan integrasi sekurang-kurangnya 3 tahun.**
3. Aktif menjalankan penternakan lembu integrasi di dalam perladangan kelapa sawit secara PINTAR.
4. Berdaftar dengan eVet-Permit dan mempunyai ID premis.
5. Mempunyai keluasan kawasan penternakan yang sesuai dengan jumlah lembu yang dipohon serta dilengkapi dengan infrastruktur penternakan integrasi yang bersesuaian.
6. Komited dan berdaya maju untuk melaksanakan projek
7. Syarikat merupakan syarikat swasta atau syarikat perladangan atau koperasi atau persatuan atau kesatuan yang berdaftar di Malaysia. Jika syarikat usahasama (JV), pemilikan oleh warga tempatan sekurang-kurangnya 51%.
8. Bagi pemohon projek di atas tanah milik Kerajaan, surat kebenaran atau perjanjian daripada pihak berkuasa perlu disertakan. Manakala bagi pemohon projek di atas tanah milik syarikat/ persendirian, salinan geran tanah dan surat kebenaran menternak yang telah disahkan perlu disertakan.
9. Memenuhi kriteria kesihatan ladang yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)
 - i. Mengetahui status kesihatan ladang berkaitan penyakit Brucella pada tahun permohonan diterima dan disahkan oleh DVS.
 - ii. Ternakan diberikan vaksinasi penyakit Kuku dan Mulut (FMD) secara berkala sebagaimana yang ditetapkan oleh DVS dan direkodkan.
 - iii. Mengamalkan sistem Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP).
 - iv. Mengamalkan sistem rekod yang dipersetujui oleh DVS.
 - v. Bersedia menerima khidmat nasihat dan memberi kerjasama berkaitan kesihatan veterinar dengan pihak DVS.
10. Senarai dokumen (yang telah disahkan) perlu disertakan bersama-sama borang permohonan adalah seperti berikut:
 - a) Salinan kad pengenalan Pemohon
 - b) Salinan pendaftaran syarikat carian terkini
 - c) Salinan terkini penyata bank (3 bulan)
 - d) Salinan geran tanah, dokumen sewaan atau pajakan atau kebenaran menternak secara dokumentasi
 - e) Salinan anugerah atau sijil kursus berkaitan (jika berkaitan)
 - f) Maklumat/ laporan profil syarikat
 - g) Dokumen pengesahan status program kesihatan ladang oleh DVS
11. Permohonan adalah dianggap tidak Berjaya sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh 90 hari dari tarikh Permohonan.
12. Perubahan kepada syarat ini tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Program Peningkatan Ruminan.

KONSEP PELAKSANAAN PROGRAM

Konsep pelaksanaan Program Peningkatan Ruminan adalah ditetapkan seperti berikut:

- a) Projek ini akan diurus dan dilaksana secara *Public Private Partnership* (PPP) antara agensi kerajaan dan Syarikat Peneraju.
 - b) Pelaksanaan program ini akan melibatkan 2 lapisan pemain industri (*2-tiers cluster*).
 - i. **Lapisan pertama (*first tier*)**
 - Merupakan Syarikat peneraju yang terdiri daripada Syarikat perladangan, Pertubuhan Peladang Kawasan, Koperasi, Pertubuhan atau Syarikat Swasta yang menternak secara komersil.
 - Syarikat peneraju dipilih berasaskan kepada keupayaan melaksana dan mengurus projek, mempunyai kawasan penternakan yang mencukupi dan keupayaan membuat perolehan ternakan serta mempunyai pasaran yang terjamin serta memenuhi syarat/ kriteria yang ditetapkan.
 - ii. **Lapisan kedua (*second tier*)**

Syarikat peneraju akan membangunkan lapisan kedua (*second tier*) yang merupakan penternak semi-komersil (peserta) yang dipilih oleh Syarikat Peneraju dan diperakui oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
 - c) Perolehan ternakan akan dibuat oleh Syarikat Peneraju yang dilantik oleh Kerajaan dengan had kuantum perolehan yang ditetapkan oleh kerajaan bagi setiap kluster adalah RM5,500, 000.00 dengan anggaran ternakan boleh diperolehi sebanyak 800 ekor.
 - d) Syarikat Peneraju akan membuat perolehan ternakan untuk syarikat peneraju dan juga peserta terlebih dahulu sebelum tuntutan pembayaran dibuat secara reimbursement.
 - e) Perolehan ternakan untuk Syarikat Peneraju adalah secara kaedah geran pepadanan 50:50 di mana 50% daripada kos perolehan dibiayai oleh Kerajaan dan 50% daripada kos perolehan dibiayai oleh Syarikat Peneraju.
 - f) Syarikat peneraju akan memilih peserta untuk dibangunkan di bawah kluster bagi menerima ternakan melalui kaedah geran pepadanan 70:30 dimana 70% daripada kos perolehan dibiayai oleh Kerajaan dan 30% daripada kos perolehan dibiayai oleh Peserta.
 - g) Had bilangan peserta dilantik dibawah Syarikat Peneraju adalah berasaskan kepada kuantum yang akan diluluskan serta kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Program Peningkatan Ruminan dan secara minima adalah 5 orang peserta dengan bilangan ternakan sekurang-kurangnya 18 induk: 2 pejantan.
 - h) Pembayaran 70% kos perolehan yang dilaksana oleh Syarikat Peneraju dituntut secara *reimbursement* dan peserta perlu membuat pembayaran 30% daripada nilai perolehan kepada Syarikat Peneraju.
 - i) Syarikat Peneraju boleh memohon bagi;
 - a. Ternakan dan peralatan; atau
 - b. Ternakan sahaja
- Walaubagaimanapun kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Program Peningkatan Ruminan.
- j) Melalui Program ini, Syarkat peneraju/ peserta ditawarkan ternakan lembu pedaging baka kacukan Brahman dari Australia. Kelulusan bagi permohonan selain dari baka ternakan seperti dinyatakan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Program Peningkatan Ruminan.
 - k) Perjanjian boleh **DITAMATKAN** sekiranya usahasama dalam Program Peningkatan Ruminan **TIDAK DIPATUHI** seperti yang termaktub dalam syarat perjanjian.

- l) Sebarang perubahan kepada pelaksanaan Program bagi tujuan penambahbaikan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pengurusan Program Peningkatan Ruminan.